

Personaliti dan Tingkah Laku Mencederakan Diri dalam kalangan Remaja Sekolah Menengah

(Personality and Self-Harming Behavior Among Secondary School Teenagers)

Siti Narini Mohamad Idris^{1*}, Ruslin Amir², Shahlan Surat³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p118791@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: Ruslin.1959@gmail.com

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: drshahlan@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Siti Narini Mohamad Idris
(p118791@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Personaliti
Tingkah laku mencederakan diri
Gender
Murid

KEYWORDS:

Personality
Self-harm behavior
Gender
Students

CITATION:

Siti Narini Mohamad Idris, Ruslin Amir, & Shahlan Surat. (2024). Personaliti dan Tingkah Laku Mencederakan Diri dalam kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(7), e002908. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2908>

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengukur sama ada terdapat perbezaan personaliti dan tingkah laku mencederakan diri berdasarkan gender dan mengukur sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara lima jenis personaliti dengan empat jenis tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan remaja sekolah menengah. Sampel kajian terdiri dari 204 remaja murid sekolah menengah daripada beberapa buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik *aitu Big Five Personality Inventory* dan *Aggression Questionnaire*. Dapatan kajian mendapati personaliti keterbukaan didapati paling menonjol dengan nilai min = 3.43 dengan sisihan piawai, S.P = 0.42. Tahap tingkah laku mencederakan diri adalah pada paras sederhana. Min tertinggi bagi tingkah laku mencederakan diri adalah jenis serangan fizikal (Min = 2.94, S.P = 0.73). Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan untuk personaliti berdasarkan gender murid adalah jenis keterbukaan ($T = 2.73, p = 0.007$) dan kepercayaan ($T = 3.65, p = 0.00$). Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti terbuka, ekstrovert, kepercayaan dan neurotisme dengan semua jenis tingkah laku mencederakan diri tetapi wujud hubungan yang signifikan di tahap sederhana antara personaliti kehematan dan serangan fizikal ($R = 0.47, p = 0.00$) dan personaliti kehematan dan kemarahan ($R = 0.44, p = 0.00$). Oleh yang demikian, ibu bapa dan guru disarankan memahami dan mendekati diri dengan remaja agar dapat menjadi suri tauladan dan menghindari dari tingkah laku mencederakan diri.

ABSTRACT

This study was conducted to measure whether there are differences in personality and self-harm behavior based on gender and to measure whether there is a significant relationship between five personality types and four types of self-harm behavior among high school adolescents. The sample consisted of 200 teenagers from several schools in the Federal Territory of Kuala Lumpur. This study uses a quantitative study design that uses questionnaires, namely The Big Five Personality Inventory and Aggression Questionnaire. The findings found that openness personality was found to be most prominent with a mean value = 3.43 with a standard deviation, S.P = 0.42. The level of self-injurious behavior is at a moderate level. The type of physical attack is the highest mean for self-injurious behavior (mean = 2.94, S.P = 0.73). The findings showed significant personality differences based on the gender of the students, with the type of openness ($T = 2.73, p = 0.007$) and trust ($T = 3.65, p = 0.00$). There was no significant association between openness, extroversion, agreeableness, and neuroticism with any self-injurious behavior, but there was a moderate relationship between conscientiousness and physical aggression ($R = 0.47, p = 0.00$) and conscientiousness and anger ($R = 0.44, p = 0.00$). Therefore, parents and teachers are advised to understand and get closer to teenagers to be role models and avoid self-injurious behavior.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada perkembangan ilmu berkaitan kesihatan mental khususnya terhadap murid sekolah menengah di Malaysia.

1. Pengenalan

[World Health Organization \(2019\)](#) melaporkan terdapat peningkatan perhatian terhadap kesihatan mental di peringkat global. Isu murung menjadi faktor terbesar masalah kesihatan mental. Di peringkat global, satu daripada tujuh kanak-kanak berumur 10-19 tahun menghadapi masalah kesihatan mental menyumbang 13% daripada beban penyakit global dalam kumpulan umur ini. Pada tahun 2019, [World Health Organization \(2019\)](#) melancarkan inisiatif khas WHO untuk kesihatan mental (2019-2023), Inisiatif ini bertujuan untuk memperluas akses kepada penjagaan kesihatan mental berkualiti dan berpatutan kepada 100 juta orang lebih di 12 negara utama. Kesihatan mental adalah aspek penting dalam kesejahteraan individu. Ia melibatkan kemampuan untuk menghadapi tekanan hidup, mengenali potensi diri, berfungsi dengan baik dalam pembelajaran dan pekerjaan, serta memberi sumbangan positif kepada masyarakat. Kesedaran mengenai kesihatan mental dan sokongan yang berkualiti adalah penting bagi semua lapisan masyarakat. Walaupun kebanyakan orang mempunyai ketahanan, mereka yang terdedah kepada keadaan yang merugikan seperti kemiskinan, keganasan, kecacatan, dan ketidaksetaraan berisiko lebih tinggi mengalami masalah kesihatan mental. Walaupun banyak masalah kesihatan mental boleh dirawat dengan kos yang rendah, sistem kesihatan masih kekurangan sumber dan jurang rawatan adalah luas di seluruh dunia. Penjagaan kesihatan mental sering kali berkualiti rendah apabila disampaikan. Individu dengan masalah kesihatan mental juga sering

mengalami stigma, diskriminasi, dan pelanggaran hak asasi manusia. [World Health Organization \(2019\)](#), turut memberikan amaran bahawa menjelang tahun 2025 penyakit ini dijangka menjadi penyakit utama mengungguli penyakit-penyakit yang lain. Peningkatan kesedaran dan tindakan proaktif mungkin diperlukan untuk menghadapi cabaran ini dan memberi sokongan yang lebih besar kepada individu yang terjejas mentalnya.

Manakala di Malaysia, dengan adanya peningkatan nisbah dan data terkini jelas menunjukkan bahawa perhatian yang lebih serius perlu diberikan kepada kesihatan mental remaja pada masa ini ([Ministry of Health Malaysia, 2019](#)). Kepedulian terhadap isu ini menjadi semakin penting untuk menyokong dan melindungi kesejahteraan mental remaja di tengah-tengah cabaran dan tekanan yang mereka hadapi ([Ministry of Health Malaysia, 2019](#)). Kenyataan ini menyoroti kepentingan kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di Malaysia. Peningkatan jumlah remaja yang mengalami stres, kebimbangan, dan kemurungan menuntut perhatian dan tindakan yang lebih lanjut dalam menyediakan sokongan dan penjagaan kesihatan mental yang berkualiti. Sebagai masyarakat, kita perlu memahami bahawa kesihatan mental adalah aspek penting dalam kesejahteraan individu dan masyarakat secara keseluruhan. Membina kesedaran mengenai isu ini, mengurangkan stigma, dan memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan mental adalah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan kesejahteraan semua lapisan masyarakat.

Perilaku mencederakan diri yang dikenal pasti berlaku dalam kalangan remaja yang turut menjadi isu kesihatan mental global adalah perlakuan mencederakan diri dalam kalangan murid sekolah menengah. Menurut [Mental Health First Aid International \(2020\)](#) remaja mencederakan diri adalah kerana tidak dapat menguruskan perasaan kecewa dan tertekan dengan peratusan 57%. Tingkah laku mencederakan diri memang merupakan isu yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan remaja. Faktor-faktor seperti tekanan, perasaan kecewa, dan ketidakmampuan menguruskan emosi dapat mempengaruhi keputusan seseorang untuk menyakiti diri sendiri. Oleh itu, kesedaran mengenai kesihatan mental dan kemahiran menguruskan emosi adalah penting bagi membantu remaja menghadapi tekanan hidup dengan lebih baik ([Tang et al., 2016](#)).

Tindakan mencederakan diri sendiri merupakan satu perbuatan yang sengaja dilakukan oleh seseorang individu khususnya remaja menyebabkan kesakitan kepada diri sendiri. Kaedah yang digunakan adalah seperti mencederakan tangan menggunakan objek yang tajam, mencakar diri, membakar kulit dengan air panas dan sebagainya. Tingkah laku ini memberi kepuasan kepada individu yang melakukannya dan membuatkan individu berasa lega yang boleh menggantikan kesakitan yang dirasakan secara emosi. Oleh yang demikian remaja memilih untuk menyakiti diri secara fizikal.

Perlakuan remaja ini berkait rapat dengan perkembangan personaliti. Personaliti dilihat sebagai salah satu faktor dalaman mencorakkan tingkah laku dalam kalangan remaja. Faktor-faktor personaliti dapat mempengaruhi kecenderungan remaja untuk melibatkan remaja lelaki dan perempuan di peringkat sekolah menengah. Personaliti memang berkait rapat dengan konsep sendiri, di mana individu memahami kebaikan dan kekurangan diri mereka serta menerima maklum balas daripada orang lain. Menurut [Son et al. \(2021\)](#), menunjukkan bahawa persepsi negatif terhadap diri sendiri boleh meningkatkan risiko individu terlibat dalam tingkah laku mencederakan diri. Oleh itu, pemahaman mengenai faktor-faktor ini adalah penting untuk pencegahan dan penjagaan kesihatan mental remaja. Hal ini menekankan tentang kepentingan

memahami hubungan antara personaliti, konsep sendiri dan kesan dari persepsi diri yang negatif terhadap kesejahteraan mental individu. Penelitian yang lebih serius terhadap penyebab-penyebab ini dapat membantu dalam pembangunan strategi pencegahan dan intervensi yang berkesan untuk melindungi individu daripada mencederakan diri. Kajian [Idris et al. \(2013\)](#) yang mengkaji hubungan personaliti dengan tingkah laku agresif serta *sensation seeking* dalam kalangan remaja berisiko tinggi pula menunjukkan hasil keputusan mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *neuroticism* dengan serangan fizikal. [Davis dan Anderson \(2021\)](#) menyokong peranan faktor psikologi dalam hasil tingkah laku mencederakan diri bagi individu yang mengalami psikopatologi personaliti. Namun bagaimanapun ianya bergantung kepada ciri-ciri personaliti yang berbeza.

Selain itu, faktor jantina juga memberi kesan penting terhadap personaliti dan tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan remaja. [Jasni \(2021\)](#) juga menunjukkan terdapat hubungan antara personaliti dan juga jantina. Dalam kajiannya yang bertajuk Personaliti dan Tingkah laku Agresif dalam kalangan Atlet Murid Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. Hasil analisis MANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara semua domain personaliti (tret) berdasarkan kepada jantina lelaki dan perempuan. Atlet murid perempuan lebih dominan untuk personaliti *neuroticism*.

Maka perbezaan implikasi kajian ini boleh memberi ruang untuk pengkaji mengkaji sama ada wujud hubungan di antara ciri-ciri personaliti dan tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan remaja berdasarkan jantina bagi menyediakan panduan kepada institusi pendidikan untuk menyusun strategi pencegahan dan intervensi yang lebih berkesan berdasarkan jenis devian yang lebih cenderung di kalangan murid lelaki atau perempuan. Penekanan pada pengetahuan, kemahiran pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif, serta kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris memang penting untuk memastikan murid mempunyai asas yang kukuh. Selain itu, sahsiah, nilai-nilai, dan semangat identiti nasional merupakan aspek penting dalam membentuk individu yang berdaya saing dan beretika. Dengan memperkukuhkan aspek-aspek ini, kita dapat memastikan bahawa semua murid mampu memberikan sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat, dan negara ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013](#)). Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan terdapat keperluan untuk melihat sejauh manakah personaliti mempunyai hubungan dengan tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan remaja di peringkat sekolah menengah. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara personaliti dan tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan remaja di beberapa buah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Dua objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengukur sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi personaliti dan tingkah laku mencederakan diri berdasarkan gender murid sekolah.
- ii. Mengukur sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dan tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan remaja sekolah menengah.

2. Sorotan Literatur

[Valencia dan Christian \(2021\)](#) dalam kajian yang dilakukan, mengatakan kanak-kanak mangsa penceraian ibu bapa mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk mengalami tekanan, masalah kesihatan mental dan mencederakan diri sendiri. Perlakuan mencederakan diri adalah amalan mencederakan tisu badan dengan sengaja secara amnya dilakukan oleh diri sendiri tanpa niat membunuh diri atau tanpa tujuan sekatan sosial.

Personaliti merupakan salah satu faktor yang mendorong seseorang individu itu mengamalkan kemudaratan diri. Individu yang mempunyai personaliti *neuroticism* yang dominan mempunyai masalah dalam kebimbangan, permusuhan, kemurungan, tingkah laku impulsif, kesedaran diri, dan kelemahan. Kajian ini mendapati terdapat hubungan antara tingkah laku mencederakan diri, personaliti *neuroticism*, dan penceraian ibu bapa. Ini disebabkan oleh impulsif merupakan salah satu ciri dalam personaliti *neuroticism* yang mana individu yang mempunyai personaliti *neuroticism* yang dominan mempunyai masalah untuk mengawal impulsnya. Penceraian ibu bapa juga menyebabkan tingkah laku mencederakan diri sendiri kerana ia menimbulkan trauma pada kanak-kanak.

Menurut [Perlman et al. \(2018\)](#) satu strategi untuk memahami fenomena remaja mencederakan diri tanpa berniat membunuh diri atau *Adolescent non-suicidal self-injury* (aNSSI) adalah dengan mempertimbangkan sumbangan personaliti. Ciri-ciri personaliti disusun secara hierarki dengan tahap hierarki yang paling banyak dikaji terdiri daripada lima ciri umum: neurotisme (iaitu, tekanan reaktif, terdedah kepada kesan negatif), extraversion (iaitu, suka bergaul, terdedah kepada kesan positif), ketelitian (iaitu, mengawal diri, berorientasikan perincian), kesesuaian (kerjasama, percaya), dan keterbukaan terhadap pengalaman (berminat dengan perkara baru, intelektual). Ini menunjukkan bahawa aNSSI sangat dikaitkan dengan pelbagai bentuk dan kekerapan gangguan psikiatri seumur hidup.

Kajian-kajian lepas yang lain turut menyokong mengenai tindakan percubaan membunuh diri dalam kalangan murid di Malaysia adalah isu yang memerlukan perhatian serius. Kesedaran mengenai kesihatan mental, pencegahan, dan sokongan yang berkualiti adalah penting untuk membantu remaja menghadapi tekanan hidup dengan lebih baik. Kajian oleh [Danish \(2018\)](#) menunjukkan bahawa kadar penglibatan remaja dalam tingkah laku mencederakan diri tanpa niat membunuh diri (NSSI) di kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor adalah 15.1%. Prevalens ini berbeza antara pelajar lelaki (14.2%) dan pelajar perempuan (16.1%) ([Danish, 2018](#)). NSSI adalah isu yang perlu diberi perhatian, dan pemahaman mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku ini adalah penting untuk pencegahan dan penjagaan kesihatan mental remaja. Analisis kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan psikologi di antara pelajar yang pernah mencederakan diri dan yang tidak pernah melibatkan diri dalam tingkah laku tersebut ([Danish, 2018](#)). Hasil kajian menyoroti perlunya pemahaman yang mendalam tentang faktor psikologikal yang berkaitan dengan tingkah laku NSSI. Informasi ini dapat memberi pendedahan kepada pelbagai pihak termasuk Unit Kaunseling untuk mengenal pasti langkah pencegahan proaktif dan intervensi yang berkesan dalam menangani masalah tingkah laku mencederakan dalam kalangan remaja. Usaha kolaboratif daripada pelbagai sektor boleh membantu membentuk pendekatan secara holistik untuk meningkatkan kesejahteraan mental remaja dan mengurangkan insiden tingkah laku mencederakan diri.

Menurut kajian oleh [Kadir et al. \(2018\)](#) mengenai prevalens kemurungan dan tingkah laku percubaan bunuh diri dalam kalangan remaja Malaysia menarik perhatian. Dalam kajiannya yang menggunakan instrumen *The Columbia Depression Scale for Adolescents* ([Columbia DISC Development Group, 2002](#)), kajian mendapati 22.3% dan 20.5% remaja menunjukkan gejala kemurungan pada tahap sederhana mengikut kategori umur masing-masing. Sementara itu, kadar prevalens percubaan membunuh diri dalam kalangan remaja Malaysia adalah 8.7%. Hasil kajian ini memberikan panduan untuk

penyelidikan masa depan dan perancangan langkah-langkah pencegahan tingkah laku bunuh diri.

Dapatan kajian ini memberikan panduan yang berharga untuk penyelidikan masa depan dan perancangan langkah-langkah pencegahan tingkah laku mencederakan diri. [Johari et al. \(2022\)](#) membincangkan mengenai kejadian mencederakan diri. Kes tingkah laku ini memang wujud dan jumlahnya semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, kajian juga menyatakan faktor-faktor seperti kemurungan, gangguan kecemasan, faktor keluarga, dan kehilangan memainkan peranan penting dalam tingkah laku mencederakan diri. Penekanan pada pengetahuan, kemahiran pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif, serta kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris memang penting untuk memastikan murid mempunyai asas yang kukuh. Selain itu, sahsiah, nilai-nilai, dan semangat identiti nasional juga membentuk aspek penting dalam pembentukan individu yang berdaya saing dan beretika. Dengan memperkukuhkan aspek ini, kita dapat memastikan bahawa semua murid dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat, dan negara.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat kuantitatif dan data dikumpulkan secara tinjauan. Kajian tinjauan merupakan pendekatan yang dipilih di mana pengkaji membuat pengumpulan data, menganalisis dan interpretasi data yang diperoleh dari sampel kajian. Pengedaran soal selidik ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Melalui senarai sekolah yang terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pengkaji mengedarkan soal selidik secara rawak dengan bantuan kaunselor sekolah. Penggunaan medium *google form* secara atas talian membolehkan soal selidik disebarluaskan kepada responden. Sebelum melaksanakan kajian, pengkaji telah mendapatkan kebenaran surat kebenaran daripada Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menjalankan kajian di samping memperoleh kebenaran dan kerjasama daripada pihak pentadbir sekolah untuk melaksanakan kajian.

3.2. Sampel Kajian

Pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada 230 orang murid untuk mendapat informasi yang cukup untuk menggambarkan populasi murid seramai 420 orang. Merujuk [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#), sampel saiz bagi 420 adalah 201. Oleh yang demikian pengkaji mengedarkan 230 soal selidik dan seramai 204 orang murid diklasifikasikan sebagai responden. Pengkaji mendapat bantuan daripada kaunselor sekolah bagi mengedarkan soal selidik. Dalam kajian ini, sampel kajian dipilih dari beberapa buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilihan sampel ini adalah tertakluk kepada beberapa pertimbangan khas iaitu kerjasama daripada pihak pentadbir sekolah dan guru sekolah, kemudahan sekolah serta jadual waktu sekolah.

3.3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri dari tiga bahagian iaitu A, B dan C. Bahagian A mengumpul maklumat latar belakang responden seperti jantina, umur, bangsa dan peringkat pengajian iaitu menengah bawah atau menengah atas. Bahagian B mengandungi

sebanyak 41 item yang terdiri daripada lima dimensi personaliti iaitu, keterbukaan, kehematan, ektrovet, kepercayaan dan neurotisme yang telah yang telah diadaptasi dari *Big Five Personality Inventory* (Goldberg, 1992). Manakala bahagian C pula menggunakan soal selidik Buss dan Perry (1992) yang mengukur pemboleh ubah tingkah laku mencederakan diri. Terdapat 29 item yang terdiri daripada 4 jenis iaitu serang fizikal, serangan verbal, kemarahan dan permusuhan. Analisis kajian terdiri daripada analisis deskriptif dan analisis inferensi menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Kajian rintis telah dijalankan dan nilai *Alpha Cronbach* bagi item personaliti adalah 0.71 manakala bagi item tingkah laku mencederakan diri pula yang diperoleh adalah 0.86.

4. Hasil Kajian

4.1. Profil Demografi

Jadual 1 menunjukkan demografi sampel perempuan mendominasi sebanyak 73.5% (N = 150) berbanding lelaki sebanyak 26.5% (N = 54). Kebanyakan responden berumur 16 tahun iaitu dengan peratusan tinggi sebanyak 43.1%. diikuti dengan responden berumur 15 tahun (25.0%) dan jumlah yang paling sedikit daripada usia 17 tahun iaitu hanya 17 orang sahaja (8.3%). Bagi profil bangsa pula, responden berbangsa Melayu menjadi jumlah majoriti dengan 189 orang murid (92.6%) diikuti dengan bangsa lain-lain sebanyak 6 orang (2.9%) dan pelajar India mencatatkan jumlah yang paling sedikit hanya 4 orang sahaja (2.0%). Murid menengah atas seramai 107 orang atau 52.5% dan 97 orang murid menengah rendah iaitu 47.5%.

Jadual 1: Demografi Sampel Kajian

Jenis Demografi	N (%)
Jantina	
Perempuan	150 (73.5%)
Lelaki	26.5 (54%)
Umur	
13 tahun	28 (13.7%)
14 tahun	20 (9.8%)
15 tahun	51 (25%)
16 tahun	88 (43.1%)
17 tahun	17 (8.3%)
Bangsa	
Melayu	189 (92.6%)
Cina	5 (2.5%)
India	4 (2.0%)
Lain-lain	2.9 (6%)
Peringkat Pengajian	
Menengah Rendah	97 (47.5%)
Menengah Atas	107 (52.5%)

4.2. Jenis Personaliti dan Tingkah laku Mencederakan Diri

Jadual 2 adalah min skor untuk lima jenis personaliti. Analisis data menunjukkan bahawa personaliti Keterbukaan adalah yang paling menonjol dalam sampel dengan nilai minima 3.43 dan sisihan piawai 0.42, diikuti oleh Ekstrovet dan Kepercayaan dengan nilai minima 3.30. Walaupun sisihan piawai untuk kedua-dua ciri ini berbeza (0.40 dan 0.44), kedua-duanya dikategorikan sebagai

'Sederhana Tinggi' berdasarkan skor yang diperoleh. Sementara itu, Neurotisme dan Kehematan masing-masing dengan nilai minima 3.21 dan 3.08 dan sisihan piawai 0.42 dan 0.52 dikategorikan sebagai 'Sederhana'.

Jadual 2: Min Skor dan Sisihan Piawai Jenis-jenis Personaliti

Bil	Personaliti	Min	Sisihan Piawai	Catatan
1	Keterbukaan	3.43	0.42	Sederhana tinggi
2	Kehematan	3.08	0.52	Sederhana
3	Ekstrovet	3.30	0.40	Sederhana tinggi
4	Kepercayaan	3.30	0.44	Sederhana tinggi
5	Neurotisme	3.21	0.42	Sederhana

Jadual 3 memaparkan skor minima tingkah laku mencederakan diri dalam sampel kajian. Berdasarkan data, tingkah laku mencederakan diri secara umumnya berada pada tahap 'sederhana'. Ini ditunjukkan melalui nilai minima tertinggi untuk jenis serangan fizikal dengan Min = 2.94 dan S.P = 0.73, diikuti oleh tingkah laku permusuhan dengan Min = 2.91 dan S.P = 0.64, kemarahan dengan Min = 2.75 dan S.P = 0.62, serta tingkah laku serangan verbal dengan Min = 2.52 dan S.P = 0.74. Skor-skor ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat variasi dalam tingkah laku mencederakan diri, namun secara keseluruhannya, tingkah laku tersebut berada pada tahap yang sederhana dalam sampel yang dikaji.

Jadual 3: Min Skor Pemboleh ubah Tingkah laku Mencederakan Diri

Bil	Tingkah Laku	Min	Sisihan Piawai	Catatan
1	Serangan Fizikal	2.94	0.73	sedehana
2	Serangan Verbal	2.52	0.74	sedehana
3	Kemarahan	2.75	0.62	sedehana
4	Permusuhan	2.91	0.64	sedehana

4.3. Perbezaan Personaliti dan Tingkah laku mencederakan diri berdasarkan gender murid sekolah

Ujian T-test telah dijalankan ke atas pemboleh ubah lima personaliti iaitu Keterbukaan, Kehematan, ekstrovet, Kepercayaan dan Neurotisme. Jadual 4 memaparkan hasil ujian setiap pemboleh ubah lima personaliti. Keputusan bagi personaliti Keterbukaan berdasarkan gender adalah dengan nilai $T = 2.73$ dan $p = 0.007$. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam personaliti keterbukaan antara remaja lelaki dan perempuan. Keputusan bagi personaliti Kehematan menunjukkan hasil analisis nilai $T = -0.65$ dan $p = 0.52$. Ini bermakna terdapat tidak perbezaan yang dalam personaliti kehematan antara remaja lelaki dan perempuan. Keputusan bagi personaliti ekstrovert menunjukkan hasil analisis nilai $T = 1.43$ dan $p = 0.153$ yang bermakna terdapat tidak perbezaan yang dalam personaliti ekstrovert antara remaja lelaki dan perempuan. Bagi personaliti kepercayaan pula analisis nilai $T = 3.56$ dan $p = 0.00$. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam personaliti kepercayaan antara lelaki dan perempuan. Bagi personaliti yang kelima iaitu neurotisme hasil analisis mendapati nilai $T = 1.79$ dan $p = 0.74$. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam personaliti neuroticism antara remaja lelaki dan perempuan.

Jadual 4. Jadual T-test bagi pemboleh ubah Personaliti

Personaliti	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Kesimpulan (ADA perbezaan /tidak)
Keterbukaan	0.000	0.984	2.734	201	0.007	Terdapat Perbezaan
Kehematan	1.864	0.174	-0.657	200	0.512	Tidak Terdapat Perbezaan
Ekstrovet	1.000	0.319	1.433	196	0.153	Tidak Terdapat Perbezaan
Kepercayaan	0.079	0.779	3.565	199	0.00	Terdapat Perbezaan
Neurotisme	0.654	0.420	1.799	201	0.074	Tidak Ada Perbezaan

Jadual 5 pula memaparkan jadual T-test bagi melihat perbezaan pemboleh ubah tingkah laku mencederakan diri berdasarkan jantina. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan adalah bagi tingkah laku serangan verbal di mana nilai $T = 2.16$ dan nilai $p = 0.03$. Ini bermakna terdapat perbezaan yang ketara dari segi tingkah laku serangan verbal antara remaja lelaki dan remaja perempuan. Bagi tingkah laku yang lain keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi serangan fizikal, kemarahan dan permusuhan.

Jadual 5: T-test perbezaan pemboleh ubah tingkah laku berdasarkan jantina

Tingkah laku	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Kesimpulan (ADA perbezaan /tidak)
Serangan Fizikal	0.12	0.912	1.559	201	0.121	Tidak Terdapat Perbezaan
Serangan Verbal	0.146	0.703	2.161	202	0.032	Terdapat Perbezaan
Kemarahan	0.176	0.675	-0.053	202	0.957	Tidak Terdapat Perbezaan
Permusuhan	0.468	0.495	1.464	199	0.151	Tidak Terdapat Perbezaan

4.4. Hubungan antara personaliti dan tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan remaja di sekolah menengah di Kuala Lumpur

Jadual 6 menunjukkan keputusan analisis Ujian Kolerasi Pearson yang mengukur tahap hubungan antara personaliti dan tingkah laku mencederakan diri. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti terbuka, ekstrovert, kepercayaan dan neurotisme dengan semua jenis tingkah laku mencederakan diri. Bagaimanapun analisis menunjukkan wujudnya hubungan yang bermakna di tahap sederhana antara personaliti kehematan dan serangan fizikal ($R = 0.47$, $p = 0.00$) dan personaliti kehematan dan kemarahan ($R = 0.44$, $p = 0.00$).

Jadual 6: Hubungan antara personaliti dan tingkah laku mencederakan diri

Personaliti	Tingkah Laku	P	R	Tahap Hubungan
Keterbukaan	Serangan Fizikal	0.12	-.10	tiada
	Serangan Verbal	0.49	-.05	tiada
	Kemarahan	0.32	-.15	tiada
	Permusuhan	0.29	.74	tiada
Kehematan	Serangan Fizikal	0.00	.47	sederhana
	Serangan Verbal	0.00	.22	Lemah (boleh diabaikan)
	Kemarahan	0.00	.44	sederhana
	Permusuhan	0.74	.12	tiada
Ekstrovet	Serangan Fizikal	0.25	.08	tiada
	Serangan Verbal	0.40	-.05	tiada
	Kemarahan	0.79	.019	tiada
	Permusuhan	0.77	-.02	tiada
Kepercayaan	Serangan Fizikal	0.28	.08	tiada
	Serangan Verbal	0.14	.10	tiada
	Kemarahan	0.60	.03	tiada
	Permusuhan	0.63	.03	tiada
Neurotisme	Serangan Fizikal	0.21	.08	tiada
	Serangan Verbal	0.31	.07	tiada
	Kemarahan	0.89	.01	tiada
	Permusuhan	0.98	.00	tiada

5. Perbincangan

5.1. Personaliti dan Tingkah laku berdasarkan Gender

Secara keseluruhan hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang bermakna dari segi personaliti keterbukaan dan kepercayaan berdasarkan gender murid sekolah menengah. Manakala bagi 3 jenis personaliti yang lain itu personaliti kehematan, ekstrovert, dan neurotisme pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan gender murid. Literatur menunjukkan personaliti merupakan salah satu faktor yang mendorong seseorang individu melakukan tingkah laku mencederakan diri. Menurut [Perlman et al. \(2018\)](#) satu strategi untuk memahami fenomena remaja mencederakan diri tanpa niat membunuh diri atau *Adolescent non-suicidal self-injury* (aNN SI) adalah dengan mempertimbangkan sumbangan personaliti. Ciri-ciri personaliti disusun secara hierarki dengan hierarki yang paling banyak dikaji terdiri daripada lima ciri umum iaitu neurotisme, extraversion, ketelitian, kesesuaian dan keterbukaan. Ini menunjukkan bahawa aNN SI sangat dikaitkan dengan pelbagai bentuk dan kekerapan gangguan psikiatri seumur hidup. Dapatan ini tidak selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Jasni \(2021\)](#) dalam kajiannya menunjukkan terdapat perbezaan jantina terhadap personaliti mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara semua domain personaliti (tret) berdasarkan kepada jantina lelaki dan perempuan. Atlet murid perempuan lebih dominan untuk personaliti *neuroticism*, *agreeableness* dan *conscientiousness*. Oleh yang demikian dapat disimpulkan personaliti berdasarkan jantina penting kerana disifatkan sebagai organisasi dinamik. Kedua-

duanya berintegrasi dan berhubungan antara aspek personaliti, tabiat, sikap, nilai kepercayaan, dan keadaan emosi memainkan peranan penting dalam tingkah laku dan pencapaian matlamat. Ini adalah pendekatan yang holistik dan mempertimbangkan banyak faktor.

Bagi pemboleh ubah tingkah laku mencederakan diri yang terdiri daripada serangan fizikal, serangan verbal, kemarahan dan permusuhan berdasarkan gender murid sekolah pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan gender pelajar sekolah. Dapatan kajian ini disokong oleh beberapa hasil kajian lepas. Menurut [Kirman et al. \(2021\)](#) dalam kajiannya berkenaan hasilnya menunjukkan bahawa tingkah laku individu dipengaruhi oleh tiga faktor utama: media masa, rakan sebaya, dan diri sendiri. Walaupun tiada perbezaan antara dua jantina dalam faktor sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku agresif, tetapi kesimpulan ini memberikan pandangan yang penting tentang bagaimana interaksi sosial memainkan peranan dalam tingkah laku kita. Sebahagiannya disokong dengan kajian yang dilakukan oleh [Anuar et al. \(2023\)](#) dalam kajiannya berkaitan dengan tingkah laku devian pelajar Politeknik menunjukkan dapatan analisis didapati tidak semua dimensi tingkah laku devian mempunyai hubungan signifikan dengan perbezaan jantina. Hanya perbuatan buli, baran dan mengancam yang mempunyai perbezaan mengikut jantina bermaksud tiga kategori devian ini berbeza mengikut jantina, iaitu pelajar lelaki lebih cenderung untuk devian dengan tiga kategori ini berbanding pelajar perempuan. Sementara dimensi bohong dan agresif, tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan bermaksud perbezaan jantina tidak mempunyai pengaruh dalam kecenderungan melakukan devian dalam kategori bohong dan agresif. Manakala kajian oleh [Shah et al. \(2020\)](#), kajian ini tidak menemui hubungan yang bermakna antara perbezaan jantina dengan perlakuan agresif pelajar, namun terdapat banyak kajian lain yang mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan dan tingkah laku remaja. Contohnya, kajian oleh [Talib et al. \(2023\)](#) di Universiti Malaysia Terengganu menunjukkan hubungan yang bermakna antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Ini dapat disimpulkan tingkah laku merupakan hasil daripada tindak balas dan perbuatan individu, sama ada melalui komunikasi lisan atau tindakan fizikal. Emosi juga memainkan peranan penting dalam menggerakkan tingkah laku kita, terutama ketika berinteraksi dengan orang lain dalam masyarakat ([Kirman et al. 2021](#)). [Reynolds dan Johnston \(2013\)](#) mengaitkan kemurungan dengan tingkah laku-tingkah laku tertentu sebagai kesan daripada tekanan, antaranya seperti menarik diri daripada aktiviti harian, perasaan dan pemikiran untuk membunuh diri dan tingkah laku antisosial.

5.2. Hubungan antara Personaliti dan Tingkah Laku Mencederakan diri

Dapatan mendapati wujudnya hubungan yang signifikan di tahap sederhana antara personaliti kehematan dengan serangan fizikal dan personaliti kehematan dengan kemarahan. Ini bermakna personaliti kehematan mempunyai kaitan dengan tingkah laku agresif dan kemarahan. Dapatan ini selari dengan kajian [Jasni \(2021\)](#) yang mengkaji hubungan personaliti dan tingkah laku agresif dalam kalangan 370 atlet sekolah menengah di Daerah Johor Bahru telah membuktikan tingkah laku agresif yang berlaku dalam konteks sukan di sekolah tidak dipengaruhi oleh personaliti mereka sendiri. Bagaimanapun dapatan ini tidak selari dengan [Haron \(2008\)](#) dalam kajiannya terhadap 210 responden berkaitan hubungan antara mengkaji beberapa faktor iaitu personaliti, kemahiran sosial, kebimbangan dan hubungan rakan sebaya dengan tingkah laku devian dalam kalangan pelajar universiti menunjukkan terdapat hubungan secara signifikan di antara pemboleh ubah personaliti, kemahiran sosial, dan hubungan rakan

sebaya dengan tingkah laku devian. Begitu juga dapatan ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh [Idris et al. \(2013\)](#) menunjukkan hubungan yang signifikan antara personaliti *neuroticism* dengan serangan fizikal dalam kalangan remaja bertingkah laku berisiko tinggi. Ini menunjukkan bahawa faktor personaliti memainkan peranan penting dalam tingkah laku agresif dan perilaku berisiko.

Manakala dapatan yang banyak dilakukan di luar negara juga menunjukkan dapatan tersirat bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dan tingkah laku mencederakan dalam kalangan murid-murid sekolah menengah. Menurut kajian [Ayodeji et al. \(2018\)](#) menunjukkan bahawa walaupun ramai remaja yang mencederakan diri memiliki gangguan personaliti, tidak ada hubungan signifikan antara gangguan personaliti dan depresi besar. Ini menunjukkan bahawa gangguan personaliti mungkin tidak secara langsung mempengaruhi tahap depresi pada remaja yang mencederakan diri, atau bahawa faktor lain lebih signifikan berperanan dalam peningkatan depresi dalam golongan ini.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh [Bandura \(1977\)](#). Beliau menyatakan komponen penting yang membentuk personaliti menyebabkan manusia bersikap agresif ialah mereka telah mempelajari dari masa lampau bahawa tindakan tersebut dapat memberi sesuatu manfaat kepada mereka. Teori ini menyatakan bahawa kanak-kanak mempelajari sesuatu berdasarkan penelitian mereka terhadap tingkah orang dewasa. Kanak-kanak mudah terikut dengan ting laku orang dewasa yang keganasan. Kajian ini menerangkan bagaimana Teori Pembelajaran Sosial ini menekankan kepada tingkah laku mencederakan diri. Oleh itu, kajian ini memberi peluang kepada pengkaji selepas ini untuk mengkaji faktor lain yang mempengaruhi tingkah laku mencederakan diri. Personaliti merupakan faktor sampingan yang dilihat wujud kesan daripada faktor yang lebih utama iaitu peranan ibu bapa. Tanggungjawab ibu bapa penting dalam membina personaliti dan perlakuan anak-anak. Suasana keluarga yang positif, komunikasi yang terbuka, dan nilai-nilai yang diterapkan oleh ibu bapa dapat memberi tindak balas yang positif pada perubahan personaliti anak-anak. Ini termasuklah nilai-nilai seperti empati, kerjasama, dan pengurusan emosi. Selain itu, ibu bapa juga perlu memahami bahawa setiap anak mempunyai keperluan dan keunikan tersendiri. Mengenali keperluan individu anak dan memberikan sokongan yang sesuai dapat membantu mengurangkan tingkah laku mencederakan diri dan menggalakkan tingkah laku positif ([Gopal, 2015](#)).

6. Kesimpulan

Kajian menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan bagi personaliti Keterbukaan dan Kepercayaan remaja sekolah menengah berdasarkan gender. Selain itu tidak wujud perbezaan gender terhadap tindakan mencederakan diri. Manakala bagi melihat hubungan personaliti dan tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan murid sekolah menengah pula menunjukkan hubungan yang bermakna pada tahap lemah dan sangat lemah. Penerokaan terhadap faktor lain dapat memberikan pemahaman yang lebih komprehensif mengenai tingkah laku mencederakan diri. Kajian masa hadapan yang melibatkan faktor demografi seperti jenis sekolah, umur, dan latar belakang sosioekonomi ibu bapa akan membantu menggambarkan konteks yang lebih luas. Selain itu, mengkaji hubungan antara tingkah laku mencederakan diri dengan faktor seperti emosi, efikasi sendiri, sikap, dan gaya asuhan ibu bapa juga akan memberikan wawasan yang lebih mendalam. Selain itu juga kajian ini juga terhad dalam mengkaji satu faktor sahaja iaitu personaliti. Justeru dicadangkan kajian terhadap tingkah laku

mencederakan diri juga boleh dikaitkan dengan faktor seperti emosi, efikasi sendiri, sikap dan gaya asuhan ibu bapa dan sosioekonomi ibu bapa dan sebagainya.

Kajian ini juga mempunyai limitasi yang boleh dibuat penambahbaikan pada masa hadapan dengan memperluaskan konteks responden ini. Oleh kerana pemilihan sekolah diambil berdasarkan satu jenis sahaja maka sampelnya terhad. Pemilihan pelbagai jenis sekolah seperti sekolah sukan, sekolah teknik dan vokasional, sekolah berasrama penuh membolehkan sampel diambil lebih besar. Kajian juga terhadap kepada sekolah menengah sahaja. Justeru dicadangkan kajian juga dilakukan terhadap murid sekolah rendah dan mempertimbangkan untuk membandingkan perbezaan antara sekolah luar bandar dan sekolah bandar serta antara sekolah biasa dan sekolah yang pelbagai jenis yang ada. Penggunaan populasi yang lebih luas dan besar ini dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh dan terperinci berkenaan perbezaan dan hubungan antara personaliti dan tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan remaja sekolah menengah.

Justeru, penyelidik akan datang boleh menggunakan bilangan sampel melibatkan lebih banyak jenis sekolah akan memberikan kefahaman yang lebih mendalam dan membolehkan penyelidik menggeneralisasikan hasil kajian dengan lebih baik. Kajian-kajian di masa hadapan yang mengambil kira cadangan- cadangan yang dikemukakan di atas dapat memperluaskan lagi pengetahuan kita mengenai tingkah laku mencederakan diri dalam kalangan murid-murid di sekolah. Dari aspek metodologi juga, data kajian hanya berpandukan instrumen soal selidik sahaja. Maka, lebih baik menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam kajian dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh. Kaedah kualitatif membolehkan penyelidik memahami konteks secara mendalam melalui temu bual, pemerhatian, atau analisis teks, manakala kaedah kuantitatif membolehkan pengukuran dan analisis statistik. Dengan menggabungkan kedua-dua kaedah ini, kajian dapat lebih holistik dan relevan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik telah mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi dan menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian ini turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Jutaan terima kasih kepada barisan pensyarah bidang Psikologi Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah banyak membantu dalam proses penerbitan artikel jurnal ini. Terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga, rakan-rakan, dan pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam kajian ini serta responden yang membantu menjayakan artikel ini.

Kewangan (*Funding*)

Penulis menggunakan sumber kewangan sendiri sepanjang menjalankan kajian dan penerbitan ini tanpa sebarang tajaan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tidak terdapat sebarang unsur konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Anuar, S., Muda, M. S., & Che Mat, A. (2023). Tingkah laku devian pelajar politeknik. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(2), 35-44. <https://doi.org/10.2682/8138>
- Ayodeji, E., Green, J., Roberts, C., Trainor, G., Rothwell, J., Woodham, A., & Wood, A. (2018). The influence of personality disorder on outcome in adolescent self-harm. *The British Journal of Psychiatry*, 207(4), 313-319. <https://doi.org/10.1192/bjp.bp.113.138941>
- Bandura, A. (1977). *Aggression: A social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Buss, A. H., & Perry, M. (1992). The Aggression Questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63(3), 452-459. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.63.3.452>.
- Columbia DISC Development Group. (2002). *The Columbia Depression Scale for Adolescents*. New York, NY: Columbia University.
- Danish. (2018). Prevalens Dan Faktor Psikologikal Tingkah Laku Mencederakan Diri Tanpa Niat Membunuh Diri: Satu Tinjauan Literatur. *Asia Pacific Journal of Youth Studies*, 19(1), 1-25. <https://doi.org/10.56390/apjys2024.19.5>
- Davis, K. C., & Anderson, J. L. (2021). Psychological pain: A moderating factor between personality psychopathology and self-harm. *Journal of American College Health*, 1-9. <https://doi.org/10.1080/07448481.2021.1928677>
- Goldberg, L. R. (1992). The development of markers for the Big-Five factor structure. *Psychological Assessment*, 4(1), 26-42. <https://doi.org/10.1037/1040-3590.4.1.26>.
- Gopal, L. A. L. (2015). *Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan penghargaan sendiri dengan tingkah laku delinkuen remaja*. (Master's thesis). Universiti Putra Malaysia.
- Haron, W. S. (2008). *Hubungan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan Dan Rakan Sebaya Dengan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Pelajar Universiti*. Universiti Malaysia Perlis.
- Idris, F., Ismail, R., Tarmizi, M. R., & Ibrahim, N. (2013). Hubungan Personaliti Dengan Tingkah Laku Agresif Dalam Kalangan Remaja Bertingkah Laku Berisiko Tinggi Di Malaysia. *Researchgate*. https://www.researchgate.net/publication/305302400_HUBUNGAN_PERSONALITI_DENGAN_TINGKAH_LAKU_AGRESIF_DALAM_KALANGAN_REMAJA_BERTINGKAH_LAKU_BERISIKO_TINGGI_DI_MALAYSIA
- Jasni, N. N. (2021). *Personaliti Dan Tingkah Laku Agresif Dalam Kalangan Atlet Murid Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru*. (Master Degree), Universiti Kebangsaan Malaysia, Retrieved from <http://ptslldigitalv2.ukm.my:8080/jspui/handle/123456789/460155>
- Johari, M. F., Kamsani, S. R., & Abdul Ghani, M. (2022). Tingkah Laku Mencederakan Diri Sendiri Dalam Kalangan Remaja. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25, 217-238.
- Kadir, A., Johan, D., Nur, & Ibrahim, N. (2018). Kadar Prevalens Kemurungan dan Cubaan Bunuh Diri dalam kalangan Remaja di Malaysia (The prevalence of depression and suicide attempts among adolescents in Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 : Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah*. Kementerian

Pendidikan Malaysia.

- Kirman, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Khir, A. M., & Jaafar, W. M. W. (2021). Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 106-118. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.640>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Mental Health First Aid International. (2020). *Non-Suicidal Self Injury: First Aid Guidelines* (Revised 2014). Retrieved from https://www.wesleymission.org.au/wp-content/uploads/2021/05/MHFA_selfinjury_guidelinesA4-2014-Revised_1.pdf
- Ministry of Health Malaysia. (2019). *National Health and Morbidity Survey 2019 : Non-Communicable Diseases, Healthcare Demand, and Health Literacy. Key Findings*. National Institutes of Health (NIH), Ministry of Health Malaysia https://iku.nih.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/NHMS2019/Infographic_Booklet_NHMS_2019-English.pdf.
- Perlman, G., Gromatsky, M., Salis, K. L., Klein, D. N., & Kotov, R. (2018). Personality Correlates of Self-Injury in Adolescent Girls: Disentangling the Effects of Lifetime Psychopathology. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 46(8), 1677-1685. <https://doi.org/10.1007/s10802-018-0403-0>
- Reynolds, W. M., & Johnston, H. F. (2013). *Handbook of Depression in Children And Adolescents*. Springer Science & Business Media.
- Shah, N. A. M., & Yahya, S. A. (2020). Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Dengan Tingkahlaku Agresif Pelajar: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Lokman, Kuala Lumpur. *Sains Sosial Pemangkin Kesejahteraan Komuniti*, 23.
- Son, Y., Kim, S., & Lee, J.-S. (2021). Self-Injurious Behavior in Community Youth. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(4), 1955. <https://doi.org/10.3390/ijerph18041955>
- Talib, J. A., Mokhtar, F. N., Raji, N. A. A., & Nordin, fatin N. (2023). Jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa, Kecerdasan Emosi Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Remaja Delinkuen. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 5(2). <https://doi.org/10.46754/umtjur.v5i2.383>
- Tang, J., Yang, W., Ahmed, N. I., Ma, Y., Liu, H.-Y., Wang, J.-J., Wang, P.-X., Du, Y.-K., & Yu, Y.-Z. (2016). Stressful Life Events as a Predictor for Nonsuicidal Self-Injury in Southern Chinese Adolescence. *Medicine*, 95(9), e2637. <https://doi.org/10.1097/md.0000000000002637>
- Valencia, J., & Christian, F. (2021). The Relationship Between Self-Harm Behavior, Personality, and Parental Separation: A Systematic Literature Review. *Proceedings of the International Conference on Psychological Studies (ICPSYCHE 2020)*, Advances in Social Science, Education and Humanities Research, 530, 10-16. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210423.002>
- World Health Organization (WHO). (2019, April 8). *Malaysia and WHO call for more investment in primary health care the 21st century*. World Health Organization. <https://www.who.int/malaysia/news/detail/08-04-2019-malaysia-and-who-call-for-more-investment-in-primary-health-care-the-21st-century>